

Headline	Industri perabot hijau, 'the next trillion dollar business'		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	23 Nov 2023	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	20	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	462 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,305
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 12,915



# Industri perabot hijau, 'the next trillion dollar business'

**PUTRAJAYA:** Perkembangan dan pembangunan industri perabot hijau berupaya menjadikan industri berkenaan 'the next trillion dollar business', kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof.

Beliau yang juga Menteri Perladangan dan Komoditi berkata, industri berkenaan dapat meningkatkan industri perabot di negara ini selain menyumbang kepada peningkatan ekonomi hijau di Malaysia.

Beliau berkata, penggunaan perabot hijau yang menggunakan bahan semula jadi tidak mengandungi bahan berbahaya, di samping tidak memancarkan gas berbahaya dan ia berupaya mengurangkan pencemaran alam sekitar.

"Ini kerana penggunaan perabot merupakan keperluan pada masa kini dan menjadi punca pencemaran kepada alam sekitar jika tidak diurus dengan sempurna. Saya sarankan dalam membangunkan perabot hijau, ia perlu dilihat secara holistik kerana setiap ekosistem penghasilan perabot menyumbang kepada penghasilan jejak karbon," katanya.

Beliau berkata, demikian ketika berucap pada Majlis Makan Malam Simposium Perabot Hijau Kebangsaan 2023 disini kelmarin. Turut hadir Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Nik Nazmi Nik Ahmad dan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr. Ismail Parlan.

Justeru, Fadillah berkata, usaha FRIM mengiktiraf syarikat di Malaysia dengan pengiktirafan perabot hijau di bawah Skim



**TIMBALAN** Perdana Menteri yang juga Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Fadillah Yusof melihat kualiti perabot semasa melawat ruai pameran perabot hijau semasa Majlis Makan Malam Simposium Perabot Hijau Kebangsaan 2023, kelmarin. Turut sama, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Nik Nazmi Nik Ahmad. • Foto BERNAMA

Penjijilan Perabot Hijau FRIM mampu membawa impak positif kepada syarikat yang terbabit dalam industri perabot hijau.

"Ini kerana usaha berkenaan mampu meningkatkan kredibiliti dan daya saing pihak syarikat seterusnya membantu pihak berkenaan untuk memasarkan produk perabot hijau di pasaran domestik dan antarabangsa," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, eksport perabot kayu adalah

penyumbang utama kepada keseluruhan eksport industri perकayuan negara, dengan mencatatkan nilai eksport RM11.1 bilion daripada keseluruhan eksport industri perकayuan negara iaitu RM25.2 bilion tahun lepas.

"Produk perabot kayu negara mempunyai kualiti pembuatan yang tinggi dan rekaan menepati kehendak serta citarasa pengguna di peringkat global. Satu anjakan baharu diperlukan dalam segmen pembuatan perabot kayu

untuk tingkatakan nilai eksport dalam pasaran," katanya.

Simposium Perabot Hijau Kebangsaan 2023 bertemakan 'Melestarikan Industri Ke Arah Ekonomi Kitaran' anjuran FRIM dengan kerjasama pihak Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) disertai lebih 200 peserta yang terdiri daripada wakil agensi kerajaan, pemain industri dan pegawai penyelidik dalam bidang industri berkenaan. — Bernama